

مذاكرة
چندکياوان
شریعة
نوسنتارا

۷
۲۰۱۳

Hotel Fairmont, Singapura
29 - 30 Mei 2013 | 19-20 Rejab 1434H

MUZAKARAH CENDEKIAWAN SYARIAH NUSANTARA KE-7

Ujrah : Isu-Isu dan Aplikasi dalam Kewangan Islam

Konsep dan Aplikasi Kos Sebenar dalam Institusi Kewangan Islam

Dr. Abdul Nasir Abdul Rani

Pengarah, Pusat Pengajian Lepas Ijazah & Penyelidikan, UNISSA
(Brunei)

Penaung



BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Penganjur Bersama

ISRA

الأخاديمية العالمية للبحوث الشرعية
International Shari'ah Research Academy for Islamic Finance



AMANAH
ASSET
MANAGEMENT

Penaja Utama



Penaja



Bank Pilihan Anda



KONSEP DAN APLIKASI KOS SEBENAR DALAM INSTITUSI KEWANGAN ISLAM

Dr Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani[↓]

Abstrak

Kertas ini berusaha untuk membincangkan perkara yang berkaitan dengan konsep am kos sebenar dan aplikasinya dalam perkhidmatan serta produk perbankan Islam. Perbincangan awal menjurus kepada fungsi penubuhan dan mekanisme operasi institusi perbankan Islam dalam bidang kewangan. Bertitik tolak dari situ, pengkelasan utama peranan institusi perbankan Islam dapat dilakukan. Beberapa jenis perkhidmatan dan produk pembiayaan perbankan telah diketengahkan untuk melihat konsep dan amalan kos sebenar. Berikutan daripada perbincangan tersebut, dua isu utama (Ujrah dan untung jual beli) telah ditimbulkan kerana kedua-duanya dilihat mempunyai hubung kait yang sangat rapat dengan konsep kos sebenar. Di akhir kertas kerja ini dibawakan beberapa rumusan dan cadangan.

Pendahuluan: Definisi dan Skop

Sebagai pendahuluan kepada kertas kerja ini, ada baiknya penulis terlebih dahulu mendefinisikan beberapa istilah penting yang terkandung dalam tajuk kertas kerja ini untuk dijadikan landasan perbincangan supaya menepati sasaran objektif yang hendak dicapai dan seterusnya menghasilkan beberapa rumusan.

1. Istilah “Konsep”:

“Konsep” bermaksud, pengertian am (rumus am) atau idea (prinsip) yang mendasari sesuatu.¹ Contohnya, prinsip Islam yang menggalakkan umat Islam supaya saling bantu membantu antara satu sama lain dalam melakukan perkara yang baik dan meninggalkan perkara yang keji ada disebutkan di dalam al-Qur’ān sebagaimana Firman Allāh *Subhānahu wa Ta’ālā*:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ

Tafsirnya: “Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan”.² [Sūrah al-Mā'idah, (5): 2]

2. Istilah “Aplikasi”:

[↓] Diploma Bahasa Arab dengan Pendidikan (Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu, 1995), Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam Shari'ah (Universiti Brunei Darussalam, 2000), Ijazah Sarjana Ekonomi & Perbankan Islam (Universiti Yarmouk, Jordan, 2003), Ijazah Doktor Falsafah Ekonomi dan Pentadbiran Muamalat (Universiti Sains Islam Malaysia, 2010). Kini menjawat jawatan Pensyarah Kanan di Fakulti Perniagaan dan Sains Pengurusan di samping lantikannya sebagai Pengarah Pusat Pengajian Lepas Ijazah dan Penyelidikan, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Negara Brunei Darussalam. Tel: +673 246 20 00, Fax: +673 246 22 33. Emel: nasir@unissa.edu.bn.

¹ Hajah Noresah binti Baharom (Pyt.) (2005). *Kamus Dewan*. Cet. 4. Selangor: Dawama Sdn. Bhd. h. 816.

² Semua tafsiran ayat al-Qur’ān di dalam kertas kerja ini dinukil daripada Sheikh Abdullah Basmeih. (1990). *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an*. Cet. 10. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.

Istilah “aplikasi” (mengaplikasikan) pula memberi maksud, menggunakan [suatu prinsip] secara praktik atau amali, melaksanakan atau menggunakan[nya] pada amalan.³ Contohnya, mengaplikasikan prinsip bantu membantu sesama insan yang berada dalam kesusahan seperti memberinya pinjaman dengan tidak sedikit pun mengenakan bunga (*interest*). Aplikasi prinsip ini ada difirmankan oleh Allāh *Subhānahu wa Ta‘ālā*:

مَنْ ذَا الَّذِي يُقْرِضُ اللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا فَيُضِعِفَهُ لَهُ، وَلَهُ أَجْرٌ كَرِيمٌ

Tafsirnya: “Siapakah orangnya yang mahu memberikan pinjaman kepada Allāh, sebagai pinjaman yang baik (*ikhlas*) supaya Allāh melipat-gandakan balasannya? Dan (*selain itu*) ia akan beroleh pahala yang besar”. [Sūrah al-Ḥadīd, (57): 11]

3. Istilah “Kos Sebenar”:

Adapun istilah “kos” dari segi etimologi (bahasa), ia bermaksud, “harga yang perlu dibayar untuk memperoleh, mengeluarkan, menyenggara (*mengurus*), dan sebagainya, biasanya [*bayaran adalah*] berupa wang”.⁴

Sementara istilah “kos sebenar” (*actual cost* – التَّكْلُفَةُ الْحَقِيقِيَّةُ) – setelah dirujuk kepada beberapa buah kamus istilah yang bersesuaian – didapati istilah tersebut juga sinonim dengan istilah “kos asal” (*original cost* – التَّكْلُفَةُ الْأَصْلِيَّةُ) yang memberi maksud: “kos membuat atau menghasilkan suatu barangan, atau kos suatu perkhidmatan, tanpa mengambil kira kos penyimpanan atau penjualan”.⁵ Menerusi definisi ini, dapatlah dikatakan bahawa yang dimaksudkan dengan kos sebenar atau kos asal itu ialah, nilai wang asal yang dikorbankan untuk menghasilkan suatu barangan atau operasi perkhidmatan, dan bukannya nilai runcit atau pun nilai pasaran.

Namun demikian, perlu dijelaskan di sini bahawa terdapat perbezaan di antara kos sebenar dengan belanja dari segi teknikal. Belanja (*expense*) ialah nilai yang digunakan [daripada kos sebenar] untuk proses penghasilan atau operasi.⁶ Sementara baki inventori (lebih daripada jumlah liabiliti atau tanggungan yang masih berpotensi menjana hasil) yang tidak dibelanjakan [daripada kos sebenar] pula disebut sebagai aset.⁷

³ Kamus Dewan. *Op.cit.* h. 73.

⁴ *ibid.* h. 824.

⁵ Lihat: The Dictionaries Department (Pvt.). (1999). *A Pocket Dictionary of Economics & Commerce: English-Arabic-English*. Beirut: Librairie du Liban Publishers. h. 6.

Lihat: Nabih Ghattas (Pvt.). (2000). *A Dictionary of Economics, Business & Finance: English-Arabic*. Beirut: Librairie du Liban Publishers. h. 12.

⁶ Lihat: P. Dilys (Edt). (2005). *New Oxford Business English Dictionary for Learners of English: With CD-ROM*. Oxford: Oxford University Press. h. 202.

⁷ Lihat: B. John. (2003). *A Dictionary of Economics*. Oxford: Oxford University Press. h. 15.

Contohnya, Syarikat NASRAHALIN adalah merupakan sebuah syarikat pembinaan tempatan yang ingin memulakan operasi membina sebuah rumah baru. Berikut ialah contoh transaksi operasi pembinaan;

Transaksi	Nilai	Konsep
Membeli bahan binaan dan peralatan	\$50,000.00	Kos sebenar / kos asal
Bahan binaan dan peralatan yang digunakan	\$30,000.00	Belanja
Baki bahan binaan dan peralatan yang tidak luput atau digunakan	\$20,000.00	Aset

4. Istilah “Institusi Kewangan Islam”:

Institusi bermaksud: “*badan atau organisasi yang ditubuhkan untuk sesuatu tujuan tertentu*”.⁸ Kewangan pula bermaksud: “*perihal wang (keadaan atau mengurus wang), iaitu segala sesuatu yang berkaitan dengan wang*”.⁹ Adapun Islam ialah merupakan “agama yang disampaikan oleh Nabi Muhammad *Ṣallallāhu ‘Alayhi Wasallam*”.¹⁰ Apabila ketiga-tiga istilah ini dicantumkan menjadi satu perkataan, maka ia boleh diertikan sebagai: “*satu badan yang ditubuhkan untuk mengurus wang berlandaskan prinsip dan ajaran Islam*”. Ini bermakna, institusi kewangan Islam adalah merupakan sebuah institusi kewangan yang berobjektifkan untuk mengimplimentasikan prinsip ekonomi dan kewangan Islam dalam arena perbankan.

Pada umumnya, institusi kewangan Islam boleh dibahagikan kepada beberapa kategori, iaitu:¹¹

- a) Perbankan Islam¹²: Ia merupakan sebuah bank perdagangan yang beroperasi tanpa unsur *ribā*. Operasinya berlaku secara perkongsian untung (*mushārahah* dan *muḍārabah*). Umumnya, bank ini memperoleh dana melalui tabungan urus niaga dan tabungan pelaburan. Komponen sistem ini terdiri daripada institusi perbankan Islam, institusi perbankan komersil, institusi perbankan saudagar, syarikat kewangan, rumah diskaun, dan Persatuan Institusi Perbankan Islam.

⁸ *Kamus Dewan. Op.cit.* h. 581.

⁹ *ibid.* h. 1799.

¹⁰ *ibid.* h. 590.

¹¹ Lihat: Surtahman Kastin Hasan & Sanep Ahmad. (2005). *Ekonomi Islam: Dasar dan Amalan*. Edisi Kedua. Selangor: Dwama Sdn. Bhd. h. 224-234. Lihat: Dr Abdurrahman Raden Aji Haqqi & Hj Mohd Sahroll Hj Mohd Roger (Pyt). (2002) *Konsep Perniagaan Dalam Islam*. Brunei Darussalam: Universiti Brunei Darussalam. h. 133.

¹² Perbankan Islam: Mengikut definisi yang diberikan oleh Persatuan Bank-Bank Islam Antarabangsa (*International Association of Islamic Banks*) atau dengan singkatannya *IAIB* ialah perbankan yang ditubuhkan untuk menggerakkan dana dan menggunakannya selaras dengan Syari‘ah Islam bagi tujuan mengembangkan ikatan kesatuan Islam dan memastikan keadilan pengagihan di samping menggunakan dana tersebut selaras dengan prinsip Islam. Lihat: Adnan M. Abdeen & Dale N. Shook. (1984). *The Saudi Financial System*. New York: John Wiley & Sons Ltd. h. 170.

- b) Institusi kewangan bukan perbankan: Ia terdiri daripada institusi kewangan pembangunan, institusi kewangan kredit, operator takaful, syarikat pelaburan, syarikat amanah pelaburan, syarikat insurans, koperasi, dan bank simpanan.
- c) Institusi kebajikan: Ia merupakan sebuah institusi yang berkepentingan untuk mendapat keuntungan dan memberi perkhidmatan berkebakikan kepada pihak tertentu. Antaranya ialah kumpulan wang persaraan, pajak gadai, dan institusi amal jariah.
- d) Institusi pengawas: Ia terdiri daripada bank pusat yang mengawal dan mengawasi semua kegiatan kewangan supaya pengaliran dan penggunaan dana dapat dilakukan dengan cekap dan berkesan serta menepati kehendak Syari'at. Selain bank pusat, Baitulmal juga merupakan pengawas yang mengawas sistem fiskal dan mengurus hasil negara dari segi pengumpulan serta perbelanjaannya.

Melihat kepada luasnya skop pengertian istilah “Institusi Kewangan Islam” ini dan disebabkan keterhadan ruang dan waktu, penulis hanya akan memilih institusi perbankan Islam sebagai subjek perbincangan kertas kerja ini supaya lebih terfokus dan terarah.

Ringkasnya, menerusi definisi istilah-istilah yang disebutkan di atas, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa skop perbincangan kertas kerja ini yang bertajuk “Konsep dan Aplikasi Kos Sebenar dalam Institusi Kewangan Islam” akan memfokuskan perbincangannya mengenai prinsip am yang berkaitan dengan kos sebenar dan penerapan prinsip tersebut dalam pengurusan institusi perbankan Islam.

Fungsi Penubuhan Institusi Perbankan Islam

Fungsi asas penubuhan sesebuah bank – pada umumnya – ialah untuk memudahkan orang ramai menyimpan wang dan sebagai tempat mereka mendapatkan kemudahan bantuan pinjaman kewangan.¹³ Sungguhpun terdapat kesamaan dari aspek fungsi dan aktiviti di antara perbankan Islam dan konvensional, konsep dan teorinya tidaklah sama; objektif penubuhan bank konvensional ialah untuk memaksimumkan keuntungan semata-mata menerusi amalan *ribā*. Sementara objektif penubuhan perbankan Islam pula didasari kepada dua faktor utama iaitu faktor keagamaan dan faktor keuntungan.¹⁴

Kajian lampau menunjukkan bahawa matlamat penubuhan bank Islam itu sendiri ialah bertujuan untuk berbakti kepada agama, bangsa, dan negara. Perkara ini jelas dilihat melalui teks berikut: “*Tidak memadai sekiranya bank Islam hanya setakat*

¹³ Lihat: Khurshid Ahmad (Pyt). (1980). *Studies in Islamic Economics*. Leicester: The Islamic Foundations. h. 37.

¹⁴ Lihat: Muhammad Ariff (Pyt). (1982). *Monetary and Fiscal Economics of Islam*. Jeddah: International Centre of Research in Islamic Economics, King Abdul Aziz University. h. 30.

menonjolkan dirinya sebagai sebuah institusi kewangan yang mengamalkan Syari'at Islam dan tidak mengamalkan ribā. Tetapi bank Islam juga mesti menonjolkan identitinya sebagai sebuah institusi kewangan yang mempunyai ciri istimewa lain iaitu tidak setakat mementingkan keuntungan, bahkan juga menjadikan aspek pembangunan dan kemajuan sebagai matlamat prioritinya, meningkatkan keupayaan menghasil, membuka peluang pekerjaan, dan meningkatkan keupayaan kilang serta industri tempatan dalam menghasilkan makanan agar dapat mengurangkan kebergantungan masyarakat Islam dari negara luar".¹⁵

Berdasarkan kenyataan di atas, dapat disimpulkan bahawa sistem perbankan Islam ialah suatu sistem yang diasaskan atas garispandu yang telah ditetapkan oleh Syarak bersumberkan ajaran al-Qur'an dan al-Sunnah di samping sumber undang-undang Islam sekunder yang lain seperti *Ijmā'* 'ulamā' tentang sesuatu hukum, *Qiyās*, dan tidak ketinggalan juga rumusan hukum daripada kalangan Mujtahid melalui kaedah *Istinbāt*. Hal ini dapat diperhatikan dengan jelas menerusi tatacara pengurusan, mekanisme operasi konsep perbankan, dan sistem pembiayaan bank berkenaan.

Di bawah skim bank Islam, golongan penyimpan boleh dikategorikan kepada dua golongan, pertama, para penyimpan yang menyimpan lebih wang yang terkumpul dan boleh mengeluarkannya pada bila-bila masa tanpa notis. Simpanan jenis ini adalah untuk tujuan keselamatan semata-mata. Kedua, para penyimpan yang tidak boleh mengeluarkan simpanannya tanpa notis. Lebih wang mereka mungkin telah dilaburkan dalam kegiatan produktif untuk jangka masa pendek¹⁶. Pada akhir tahun kewangan, para penyimpan akan dapat berkongsi keuntungan atau kerugian dengan pihak bank yang menyerupai dividen.¹⁷

Berhubung dengan pembiayaan kewangan di institusi perbankan Islam pula, ia boleh dibahagikan kepada dua jenis, iaitu pembiayaan ekuiti (*equity financing*) dan pembiayaan hutang (*debt financing*). Bagi pembiayaan ekuiti, perbankan Islam menawarkan kontrak perkongsian untung (*profit sharing contract*) menerusi *al-Muḍārabah* dan *al-Mushārah*. Sementara pembiayaan hutang pula, perbankan Islam menawarkan kontrak pertukaran (*contract of change*) yang melibatkan pembayaran bertangguh (*deferred payments*).¹⁸

Menerusi ini, dapat difahami bahawa institusi perbankan Islam akan menggunakan semua simpanan wang yang datang daripada para penyimpan untuk memberi khidmat kepada kepentingan awam bagi mencapai matlamat sosioekonomi

¹⁵ Lihat: Dāwūd, Ḥasan Yūsuf. (2005). *Al-Maṣraf al-Islāmī li al-Istithmār al-Zirā'ī: Namūzaj Muqtarah*. Mesir: Dar al-Nashr li al-Jam'iyat. h. 195. Dinukil daripada "Taqrīr al-Ḥāl al-Dīniyyah fi Miṣra". (1998). *Markaz al-Dirāsāt al-Siyāsīyah wa al-Istarāṭijīyah bi al-Aḥrām*. h. 393.

¹⁶ Pelaburan jangka masa pendek: pelaburan yang tidak melebihi tempoh dua tahun.

¹⁷ Lihat: Muhammad Abdul Mannan. (2007). *Ekonomi Islam: Teori dan Praktis (Asas-Asas Ekonomi Islam)*. Radiah Abdul Kader (Terj.). Edisi Semakan Semula. Kuala Lumpur: A.S. Nordeen. J. 2. h. 48-49.

¹⁸ Lihat: Hadenan Towpek & Joni Tamkin Borhan. (2006). Kuala Lumpur: Universiti Malaya. h. 84.

Islam yang berkaitan¹⁹ di mana wang yang terkumpul digunakan untuk keperluan rizab, pelaburan, pembiayaan, pinjaman kewangan, dan perkhidmatan lain.²⁰

Konsep dan Aplikasi Kos Sebenar dalam Perbankan Islam

Merujuk kepada fungsi dan mekanisme pengurusan di institusi perbankan Islam, peranan utama institusi berkenaan boleh diklasifikasikan kepada dua kategori utama, iaitu:

- a) Memberi perkhidmatan: Perkhidmatan ini termasuk khidmat menyimpan dana atau aset, menjelaskan hutang pelanggan, menjadi wakil pelanggan dalam mengurus niaga, dan sebagainya. Perkhidmatan perbankan ini dapat diperhatikan menerusi:
 - i) *Al-Wadī'ah*;
 - ii) *Al-Rahnu*;
 - iii) *Al-Wakālah*;
 - iv) *Al-Ḥawālah*; dan
 - v) *Al-Istiṣnā'*.

- b) Memberi pembiayaan: Pembiayaan melibatkan semua jenis pinjaman dana yang meliputi:
 - i) *Al-Bay' bi Thaman Ājil*;
 - ii) *Al-Ijārah Thumma al-Bay'*; dan
 - iii) *Bay' al-Murābahah*.

Bertitik tolak dari sini, konsep dan aplikasi kos sebenar dalam perkhidmatan dan pembiayaan perbankan Islam yang tersebut di atas dapat dihuraikan seperti berikut:

1. *Al-Wadī'ah* (Simpanan – الْوَدِيعَةُ):

Wadī'ah bermaksud: “harta yang ditinggalkan dengan seseorang sebagai amanah iaitu untuk disimpan dengan selamat”.²¹ *Wadī'ah* adalah merupakan salah satu khidmat halal yang ditawarkan oleh institusi perbankan Islam. Khidmat ini dianggap sebagai suatu khidmat yang berkebakikan kerana membantu menjaga harta orang lain dengan selamat. Ini bertepatan dengan kehendak Islam yang menggesa supaya umat Islam saling bantu membantu dalam melakukan kebajikan sebagaimana Firman Allāh *Subḥānahu wa Ta'ālā*:

¹⁹ Lihat: M. Umer Chapra. (1985). *Towards a Just Monetary System*. London: The Islamic Foundations. h. 154.

²⁰ Lihat: *Ekonomi Islam: Dasar dan Amalan*. *Op.cit.* h. 226.

²¹ Lihat: International Shari'ah Research Academy for Islamic Finance (ISRA). (2010). *ISRA Compendium for Islamic Financial Terms: Arabic-English*. Kuala Lumpur: Kaci Trading Sdn. Bhd. h. 305-306.

Dalam sebuah hadis *Ṣaḥīḥ*, Umm al-Mu'minīn 'Ā'ishah *Raḍiallāhu 'Anhā* ada menceritakan katanya:

«أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اشْتَرَى مِنْ يَهُودِيٍّ طَعَامًا إِلَى أَجَلٍ مَعْلُومٍ وَارْتَهَنَ مِنْهُ دِرْعًا مِنْ حَدِيدٍ»

Maksudnya: “*Sesungguhnya Nabi Ṣallallāhu 'Alayhi Wasallam pernah membeli makanan dengan [bayar hutang bagi] tempoh yang dimaklumi daripada seorang Yahudi, dan Baginda telah menggadaikan perisai perangnya*”. [Hadis riwayat al-Bukhāriy].

Seperti *al-Wadī'ah*, *al-Rahnu* juga berasaskan konsep amanah dan jaminan. Sebagai pemegang amanah, bank berkewajiban penuh untuk memelihara keselamatan barang gadaian dengan cara yang wajar sesuai dengan keadaan barang dan menjamin untuk memulangkan barang gadaian kepada pemiliknya. Dalam hal ini, bank juga boleh mengenakan penggadai caj sebenar penjagaan barang gadaian di samping mengenakan bayaran sewa tempat menyimpan barang gadaian tersebut untuk memastikannya tersimpan dengan selamat.

Apabila penggadai tidak membayar hutangnya, bank boleh menjual barang gadaian berkenaan. Daripada hasil jualan, hak bank hanyalah sebesar jumlah hutang; apabila hasil jualan lebih besar daripada jumlah hutang, maka selebihnya akan dikembalikan kepada penggadai, dan apabila jualan kurang daripada jumlah hutang, penggadai masih menanggung pembayaran yang kurang.²⁵

3. *Al-Wakālah / al-Wikālah* (Ejen / Wakil – الْوَكَالَةُ / الْوَكَالَةُ):

Para 'ulamā' telah bersepakat tentang pengharusan muamalat *al-Wakālah* dengan berpandukan *naṣ* al-Qur'ān dan al-Sunnah. Daripada al-Qur'ān, Allāh *Subḥānahu wa Ta'ālā* berfirman:

فَاتَّبِعُوا أَحَدَكُمْ بِوَرْقِكُمْ هُنْدَهَ إِلَى الْمَدِينَةِ فَلْيَنْظُرْ أَيُّهَا أَزْكَى طَعَامًا فَلْيَأْتِكُمْ بِرِزْقٍ مِنْهُ وَلْيَتَلَطَّفْ وَلَا يُشْعِرَنَّ بِكُمْ أَحَدًا

Tafsirnya: “*Sekarang utuslah salah seorang dari kamu, membawa wang perak kamu ini ke bandar; kemudian biarlah dia mencari dan memilih mana-mana jenis makanan yang lebih baik lagi halal (yang dijual di situ); kemudian hendaklah ia membawa untuk kamu sedikit habuan daripadanya; dan hendaklah ia berlemah-lembut dengan bersungguh-sungguh (semasa di bandar); dan janganlah dia melakukan sesuatu yang menyebabkan sesiapa pun menyedari akan hal kamu*”. [Sūrah al-Kahf, (18): 19]

Sementara daripada al-Sunnah, ada dikisahkan dalam sebuah hadis *Ṣaḥīḥ* daripada 'Urwah katanya:

«أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَعْطَاهُ دِينَارًا يَشْتَرِي لَهُ بِهِ شَاةً فَأَشْتَرَى لَهُ بِهِ شَاتَيْنِ فَبَاعَ إِحْدَاهُمَا بِدِينَارٍ وَجَاءَهُ بِدِينَارٍ وَشَاةٍ فَدَعَا لَهُ بِالْبَرَكَةِ فِي بَيْعِهِ وَكَانَ لَوْ اشْتَرَى الشَّرَابَ لَرَبِحَ فِيهِ»

²⁵ *Pedoman Mu'amalat dan Munakahat. Op.cit. h.39.*

Maksundya: “*Sesungguhnya Nabi Ṣallallāhu ‘Alayhi Wasallam telah [mewakilkannya dengan] memberinya satu dinar untuk dibelikan seekor kambing, maka dengan wang itu dia telah membeli dua ekor kambing dan menjual seekor daripadanya dengan harga satu dinar. Lalu dia mendatangi Nabi Ṣallallāhu ‘Alayhi Wasallam dengan menyerahkan wang satu dinar dan seekor kambing, maka Baginda mendoakan keberkatan dalam jualannya, yang jika dia membeli tanah sekalipun pasti dia akan beroleh keuntungan*”. [Hadis riwayat al-Bukhāriy]

Kontrak *Wakālah* adalah merupakan satu kontrak perwakilan, di mana satu pihak melantik wakil (ejen) dan memberi kuasa kepadanya untuk melaksanakan suatu tugas khusus bagi pihak dirinya (orang yang diwakili). Apa pun tindakan yang dilakukan oleh wakil diterima pakai sebagai tindakan orang yang diwakili. Produk yang menggunakan konsep ini ialah surat kredit dan kad kredit.²⁶ Pihak yang menerima tugas itu pada kebiasaannya dibayar *Ujrah* kerana perkhidmatannya.

Contoh, seorang pelanggan meminta bank membuat pembayaran kepada pihak lain dengan syarat-syarat tertentu. Dalam hal ini, bank ialah ejen yang diberikan kuasa untuk melaksanakan transaksi kewangan bagi pihak pelanggan dan bank akan dibayar *Ujrah* atas perkhidmatannya. *Ujrah* atas khidmat *Wakālah* mestilah berbentuk jumlah tetap yang berasaskan kos sebenar perkhidmatan bank dalam melaksanakan transaksi kewangan tanpa dikaitkan dengan had kredit untuk mengelakkan wujudnya unsur *ribā*.

4. *Al-Ḥawālah* (Pemindahan Hutang – *الْحَوَالَةُ*):

Menurut istilah ‘ulamā’ Ḥanafī, mereka mentakrifkan *al-Ḥawālah* sebagai transaksi “*memindahkan tuntutan daripada tanggungan si berhutang kepada tanggungan orang yang sedia mengambil tanggungan*”.²⁷ Ini termasuklah para penjamin hutang yang memberi jaminan bayaran semula hutang.

‘Ulamā’ al-Shāfi‘ī pula menakrifkan *al-Ḥawālah* sebagai “*akad (ijāb dan qabūl) pemindahan hutang daripada tanggungan seseorang yang berhutang kepada orang lain, di mana orang lain itu mempunyai hutang pula kepada yang memindahkan*”.²⁸

Contohnya, pihak (A) berhutang dengan pihak (B) SGD100.00. Dalam masa yang sama, pihak (C) berhutang dengan pihak (A) SGD100.00. Dalam hal ini, pihak (A) boleh merujuk pihak (B) kepada pihak (C) untuk melakukan pembayaran hutang. Di sini pihak (A) disebut sebagai *Muḥīl* (pemindah), pihak (B) dipanggil *Muḥāl* (dirujuk), sementara pihak (C) disebut sebagai *Muḥāl ‘Alayhi* (penerima pindahan),

²⁶ *Ekonomi Islam: Dasar dan Amalan. Op.cit.* h. 240.

²⁷ Lihat: Al-Zuhaylī, Wahbah. (2002). *Al-Fiqh al-Islamī wa Adillatuh*. Damsyik: Dar al-Fikr. j. 6. h. 4187.

²⁸ Lihat: Al-Khin, Muṣṭafā et.al. (1996). *Al-Fiqh al-Manhajī ‘alā Madhhabi al-Imām al-Shāfi‘ī*. Damsyik: Dar al-Qalam. j. 3. h. 167.

dan hutang yang dipindah pula disebut sebagai *Muḥāl bihi* (dipindahkan).²⁹ Setelah berlaku aqad *Ḥawālah*, (A) terlepas daripada hutangnya kepada (B) kerana hutangnya berpindah kepada (C), dan (C) harus membayar hutangnya itu kepada (B). Menerusi contoh ini, dapat dilihat bahawa *al-Ḥawālah* merupakan satu jalan efektif untuk melupuskan masalah hutang piutang.

Hukum beramal dengan *al-Ḥawālah* ialah harus berpandukan kepada *naṣ* al-Sunnah dan keputusan *Ijmā'*. Dalam al-Sunnah, Sabda Rasūlullāh *Ṣallallāhu 'Alayhi Wasallam*:

«مَطْلُ الْعَبِيِّ ظَلَمٌ وَإِذَا أُتْبِعَ أَحَدُكُمْ عَلَى مَلِيٍّ فَلْيَتَّبِعْ»

Maksudnya: “Penundaan hutang oleh orang kaya (yang mampu) adalah satu kezaliman, sekiranya ditunjukkan (dialihkan hutang itu) kepada seseorang yang mampu maka terimalah pengalihan [hutang] itu”. [Hadis *Muttafaqun 'Alayh*]

Adapun *Ijmā'*, berkata Ibnu Qudāmah: “Telah bersepakat sekalian ahl al-‘Ilm (‘ulamā’) tentang pengharusan *al-Ḥawālah* secara keseluruhan”.³⁰

Menurut amalan institusi perbankan Islam, *al-Ḥawālah* ialah transaksi pemindahan wang atau hutang dari satu pihak ke satu pihak yang lain atau dari suatu akaun ke akaun yang lain dan bank mendapat bayaran *Ujrah* kerana perkhidmatan yang diberikan.³¹ *Ujrah* bagi perkhidmatan memindah hutang atau dana pada lazimnya adalah berbentuk kos perbelanjaan sebenar bank seperti perbelanjaan pos, telefon, faks, setem, dan sebagainya.³²

Produk yang menggunakan konsep ini ialah kiriman wang, pemindahan dana (*Telegraphic Transfer*), cek kembara, draf permintaan, dan sebagainya.

5. *Al-Istiṣnā'* (Tempahan – *الإِسْتِصْنَاءُ*):

Al-Istiṣnā' ialah membuat tempahan barang yang khusus daripada pengilang [atau tukang] dengan memberikan spesifikasi tertentu. Pengilang [atau tukang] dipanggil sebagai *Ṣāni'*, orang yang menempah barang dipanggil sebagai *Mustaṣni'*, dan barang yang ditempah dipanggil *Maṣnū'*. Kontrak *al-Istiṣnā'* adalah sah [di sisi Syarak] atas dasar hajat keperluan yang meluas. ‘Ulamā’ telah bersepakat mengenai keabsahan kontrak ini dengan syarat jenis barang yang ditempah, bentuk, spesifikasi, dan masa penyediaan (penghantaran) barang haruslah dinyatakan dengan jelas.³³

²⁹ Lihat: *ISRA Compendium for Islamic Financial Terms. Op.cit.* h. 48.

³⁰ Lihat: Ibn Qudāmah, ‘Abdullāh bin Aḥmad bin Muḥammad. (1999). *Al-Mughnī*. ‘Abdullah bin ‘Abd al Muḥsin & ‘Abd al-Fattāḥ Muḥammad al-Helw (Pyt). Edisi Keempat. Saudi: Dar ‘Alam al-Kutub. j. 7. h. 56.

³¹ Lihat: Sudin Harun. (T.T). *Prinsip dan Operasi Perbankan Islam*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn Bhd. h. 79.

³² Lihat: Irshīd, Maḥmūd ‘Abd al-Karīm Aḥmad. (2001). *Al-Shāmil fī Mu‘āmalāt wa ‘Amaliyyāt al-Maṣārīf al-Islāmiyyah*. Jordan: Dar al-Nafa’ es. h. 170.

³³ Lihat: *ISRA Compendium for Islamic Financial Terms. Op.cit.* h. 102.

Pengharusan beramal dengan *al-Istiṣnā'* adalah berdasarkan prinsip *al-Istiḥsān*³⁴ kerana kontak tersebut telah menjadi amalan biasa yang dilakukan oleh orang ramai pada setiap masa tanpa sebarang bantahan. Maka secara tidak langsung, wujud satu konsep *Ijmā'* di kalangan umat Islam terhadap keharusan akad jual beli *al-Istiṣnā'*. Selain itu, akad *al-Istiṣnā'* juga berperanan memberikan kemudahan urusan kepada umat Islam.

Dalam amalan perbankan Islam, akad *al-Istiṣnā'* boleh dilakukan dengan cara pelanggan meminta bantuan bank untuk membuat tempahan barang khusus bagi pihak dirinya sama ada meminta bank untuk mendahulukan bayaran tempahan atau dibayar kemudian. Untuk mendapat keuntungan, bank boleh menempah barang tersebut pada harga rendah dan menjualnya kepada pelanggan dengan harga pasaran semasa, dan menuntut pembayaran sama ada secara tunai, atau secara bertangguh, atau cara ansuran³⁵ mengikut tempoh yang dipersetujui di samping boleh mengenakan caj perkhidmatan sebenar kepada pelanggan bagi semua urusan yang berkaitan dengan tempahan tersebut.

Amalan perniagaan yang boleh menggunakan konsep ini ialah pembiayaan perumahan, biaya penyambungan (*bridging financing*), dan pembiayaan projek.³⁶

6. *Al-Bay' bi Thaman Ājil* (Jual Beli dengan Harga Tangguh – *الْبَيْعُ بِثَمَنِ آجِلٍ*):

Urus niaga *al-Bay' bi Thaman Ājil* (*BBA*) melibatkan proses menjual sesuatu dengan disegerakan penyerahan barang dan ditangguhkan pembayarannya dengan harga ansuran [berserta dengan suatu margin keuntungan yang dipersetujui] sehingga ke satu waktu atau tempoh yang telah ditetapkan.

Urus niaga *BBA* merupakan satu aktiviti perniagaan jual beli tangguh yang diharuskan sama seperti jual beli biasa. Asas pengharusan urus niaga mengikut konsep ini merujuk kepada *naṣ* al-Qur'ān iaitu:

لَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَنْ تَبْتَغُوا فَضْلًا مِّن رَّبِّكُمْ

Tafsirnya: “Tidaklah menjadi salah, kamu mencari limpah kurnia (keuntungan daripada perniagaan) dari Tuhan kamu”. [*Sūrah al-Baqarah*, (2): 198]

Perbezaan di antara jual beli tangguh dan jual beli biasa adalah harga jualan bagi jual beli tangguh lebih mahal daripada harga biasa dan harga jualan itu meningkat mengikut tempoh masa penangguhan yang dikehendaki oleh pelanggan.

Operasi kontrak *BBA* di institusi perbankan Islam bermula dengan pemilihan pelanggan terhadap suatu aset yang ingin dibeli. Kemudian mendapatkan pembiayaan *BBA* daripada bank. Pelanggan berjanji untuk membeli aset tersebut pada harga jualan yang dimasukkan margin keuntungan. Bank seterusnya membeli aset yang

³⁴ Lihat: Al-Ashqar, Muḥammad Sulaymān et.al. (1998). *Buḥūth Fiqhiyyah fī Qaḍāyā Iqtisādiyyah Mu'āṣirah*. Jordan: Dar al-Nafa'es. j. 1. h. 226.

³⁵ *ibid.* h. 239.

³⁶ *Ekonomi Islam: Dasar dan Amalan. Op.cit.* h.239.

dikehendaki secara tunai. Hak milik aset kemudiannya berpindah tangan kepada bank. Bank menjual aset itu kepada pelanggan dan menyerahkan hak milik aset kepadanya pada harga jualan pokok (harga asal) dengan dimasukkan keuntungan. Pembayaran kepada bank boleh dibuat secara tangguh atau ansuran dalam tempoh yang dipersetujui.

Beberapa contoh produk dalam amalan perbankan yang menggunakan konsep ini ialah pembiayaan perumahan, harta komersil, kad kredit,³⁷ pembiayaan barang elektrik, perabot, motosikal, dan barangan lain.

7. *Al-Ijārah Thumma al-Bay'* (Sewa Kemudian Beli – *الْإِجَارَةُ ثُمَّ الْبَيْعُ*):

Pada dasarnya *al-Ijārah* bermaksud “memiliki manfaat atau faedah penggunaan sesuatu barang [atau perkhidmatan] yang diharuskan untuk suatu tempoh tertentu pada harga atau bayaran yang telah ditentukan”.³⁸

‘Ulamā’ bersepakat mengatakan bahawa kontrak sewa adalah dibenarkan dalam Islam. Pengharusan beramal dengannya jelas disebutkan di dalam al-Qur’ān dan al-Sunnah. Di dalam al-Qur’ān Allāh *Subhānahu wa Ta’ālā* berfirman:

قَالَتْ إِحْدَاهُمَا يَا أَبَتِ اسْتَجِرْهُ إِنِّي خَيْرٌ مِّنْ اسْتَجِرْتَ الْقَوِيُّ الْأَمِينُ

Tafsirnya: “Salah seorang di antara perempuan yang berdua itu berkata: “Wahai ayah, ambillah dia menjadi orang upahan (mengembala kambing kita), sesungguhnya sebaik-baik orang yang ayah ambil bekerja ialah orang yang kuat, lagi amanah”. [Sūrah al-Qaṣaṣ, (28): 26]

Dalam sebuah hadis menyebutkan, Rasūlullāh *Ṣallallāhu ‘Alayhi Wasallam* bersabda:

«أَعْطُوا الْأَجِيرَ أَجْرَهُ قَبْلَ أَنْ يَجِفَّ عَرْقُهُ»

Maksudnya: “Berikanlah upah buruh (pekerja) itu sebelum kering keringatnya”. [Hadis riwayat Ibnu Mājah & al-Bayhaqiy, *Ṣaḥīḥ*]

Majoriti ‘ulamā’ Fiqh berpendapat bahawa sewaan adalah merupakan satu kontrak yang mengikat [yang tidak boleh diingkari oleh orang yang menyewakan dan penyewa]. Selain itu ‘ulamā’ Fiqh juga telah menetapkan bahawa syarat sah kontrak sewa itu mestilah manfaat dan nilai sewaan itu dimaklumi. Berhubung dengan tempoh sewa, ‘ulamā’ mengklasifikasikannya kepada tiga kategori, iaitu: sewaan yang berkuatkuasa secara serta merta, sewaan yang berkuatkuasa pada tarikh mendatang yang ditentukan, dan sewaan yang tertakluk kepada suatu keadaan tertentu di masa hadapan,³⁹ contohnya musim banjir, musim kemarau, dan sebagainya.

³⁷ Lihat: *Ekonomi Islam: Dasar dan Amalan. Op.cit.* h. 238-239.

³⁸ Lihat: ‘Āmir, Muḥammad Muḥammad. (1972). *Mulakhkhaṣ al-Aḥkām al-Shar‘iyyah ‘Alā al-Mu’tamad min Madhhab al-Mālikiyyah*. Benghazi: Al-Matba‘ah al-Ahliyyah. h. 213.

³⁹ Lihat: *ISRA Compendium for Islamic Financial Terms. Op.cit.* h. 2.

Bentuk amalan *al-Ijārah* di perbankan Islam telah diperbaharui sesuai dengan keperluan semasa. Ia dikenali dengan nama *al-Ijārah Thumma al-Bay'*. Ia melibatkan dua kontrak yang berasingan, iaitu, pertama ialah kontrak *Ijārah* (penyewaan) yang akan ditandatangani terlebih dahulu sebelum kontrak kedua iaitu kontrak *Bay'* (belian) dimeterai. Konsep *Ijārah* ini pada lazimnya digunakan dalam membiayai barangan pengguna terutamanya pembiayaan kenderaan. Melalui kontrak pertama, pelanggan akan memajak kereta tersebut daripada bank pada kadar sewa yang telah dipersetujui untuk suatu tempoh tertentu. Pada akhir tempoh pajakan, kontrak kedua akan dilakukan bagi membolehkan pelanggan membeli kenderaan tersebut pada harga yang telah dipersetujui. Kontrak-kontrak tersebut mestilah dimeterai dengan turutan yang betul.

Sebagai contoh, menerusi kemudahan pembiayaan kereta, pelanggan memilih kereta yang ingin dibeli. Kemudian pelanggan memohon pembiayaan *Ijārah* untuk kereta tersebut daripada bank dan berjanji akan memajak kereta tersebut daripada bank setelah bank membeli kereta tersebut. Bank seterusnya menjelaskan pembayaran kereta berkenaan kepada penjual. Kereta seterusnya menjadi hak milik bank dan memajakkannya kepada pelanggan dengan kontrak *Ijārah* untuk satu tempoh yang telah ditetapkan. Pada akhir tempoh pajakan, bank menjual kereta tersebut kepada pelanggan pada harga yang telah dipersetujui.

Pembiayaan yang menggunakan konsep ini ialah pembiayaan perumahan, kontrak sewa beli, pajakan, pembiayaan projek,⁴⁰ dan sebagainya.

8. *Bay' al-Murābahah* (Jual Beli Untung – بَيْعُ الْمُرَابَحَةِ):

Transaksi *Bay' al-Murābahah* – dalam konteks fiqh tradisional – ialah menjual satu barangan pada harga asal di samping margin keuntungan yang dimaklumkan dan dipersetujui oleh penjual dan pembeli⁴¹ sama ada dimaklumkan secara umum atau terperinci.⁴² Ini bermaksud, penjual mestilah memaklumkan kepada pembeli kos sebenar aset dan margin keuntungan yang ditambah semasa perjanjian jualan dibuat.

Prinsip umum dalam *al-Murābahah* ialah perbelanjaan langsung pembelian barang dan perkhidmatan proses jual beli (seperti bayaran perkhidmatan broker) boleh dimasukkan sebahagian daripada kos asal barangan. Sementara perbelanjaan bagi tujuan peribadi atau pun yang tidak berkaitan dengan pembelian barangan tidak boleh dimasukkan dalam kos asal barangan.⁴³

Muamalat ini harus di sisi Syarak dan diklasifikasikan sebagai jualan berkonsepkan amanah (kejujuran) kerana bank mendedahkan harga pembelian

⁴⁰ *Ekonomi Islam: Dasar dan Amalan. Op.cit.* h. 238.

⁴¹ Lihat: 'Abdul Mun'im, Maḥmūd. (1999). *Mu'jam al-Muṣṭalahāt wa al-Alfāz al-Fiqhiyyah*. Kaherah: Dar al-Fadilah. j. 3. h. 253.

⁴² Lihat: Jāzī, Muḥammad. (T.T). *Qawānīn al-Aḥkām al-Shar'īyyah wa Masā'il al-Furūq al-Fiqhiyyah*. Beirut: Dar al-'Ilm li al-Malayin. h. 289.

⁴³ Lihat: *Ekonomi Islam: Teori dan Praktis. Op.cit.* j. 2. h. 114.

sebenarnya dan memaklumkan keuntungan yang ditambah.⁴⁴ Keharusannya dapat dilihat menerusi Firman Allāh *Subhānahu wa Ta‘ālā* yang mengharuskan jual beli:

وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا

Tafsirnya: “Allāh telah menghalalkan berjual-beli (berniaga) dan mengharamkan ribā”. [Sūrah al-Baqarah, (2): 275]

Keharusan beramal dengan *al-Murābahah* dalam jual beli adalah merupakan mazhab Jumhūr ‘Ulamā’ yang terdiri daripada al-Imām Abū Ḥanīfah, al-Imām Mālik, al-Imām al-Shāfi‘ī, dan ramai di kalangan *Tābi‘īn* antaranya Ibnu Mundhir, Sa‘īd bin al-Musayyib, Ibnu Sīrīn, Shurayḥ, al-Nakh‘iy, dan al-Thawriy.⁴⁵

Dari perspektif amalan perbankan Islam hari ini, para pelanggan akan memohon pembiayaan daripada bank untuk membeli suatu barangan dengan memberikan spesifikasi tertentu seperti kuantiti, jenama, sifat, dan sebagainya. Bank akan membeli barang yang dipohonkan seperti yang diterangkan dengan syarat pelanggan berjanji untuk membelinya daripada bank. Barang dijual pada harga asal dan dicampur dengan kos pembelian serta kadar keuntungan yang dimaklumkan. Bank menetapkan cara pembayaran dengan mengenakan syarat bayaran pendahuluan (deposit) kepada pelanggan sebagai jaminan. Bayaran seterusnya dilakukan secara ansuran (sesuai dengan kemampuan pelanggan) dalam tempoh dan pada tarikh tertentu.⁴⁶ Harga jualan dibuat sama ada dengan cara peratusan atau dengan harga tetap (*flat amount*). Amalan jual beli ini disebut sebagai “*al-Murābahah al-Maṣrafiyyah*” (*Banking Murābahah*).

Sekiranya bank membeli barangan tersebut dengan cara kredit dan menjualnya mengikut prinsip *al-Murābahah*, maka bank perlu menjelaskan perkara tersebut kepada pelanggan. Hal ini perlu dimaklumkan atas dasar prinsip kejujuran kerana pada lazimnya barangan yang diperolehi secara kredit adalah lebih tinggi nilainya daripada yang diperolehi secara bayaran tunai.⁴⁷

Sebagai kesimpulan daripada apa yang telah dibincangkan, dapat diperhatikan bahawa aktiviti ekonomi yang dimainkan dalam sistem perbankan Islam ialah yang melibatkan urus niaga pertukaran barang berasaskan transaksi sebenar. Ia bukan berasaskan *ribā* sepertimana yang diamalkan oleh institusi perbankan konvensional. Dalam ertikata lain, sistem perbankan Islam ialah suatu sistem yang menekankan pentingnya keadilan, belas kasihan, tiada eksploitasi, tiada penipuan, dan tiada urus niaga atau aktiviti haram.

Hal ini bebeza sekali dengan amalan sistem perbankan konvensional yang hanya mementingkan keuntungan semata dengan konsep *ribā* yang menyebabkan

⁴⁴ Lihat: *ISRA Compendium for Islamic Financial Terms*. *Op.cit.* h. 71.

⁴⁵ Lihat: Al-Shanqīṭī, Muḥammad Muṣṭafā. (2001). *Dirāsah Shar‘iyyah li Ahammi al-‘Uqūd al-Māliyyah al-Mustaḥdathah*. Edisi Kedua. Madinah Munawarah: Maktabah al-‘Ulum wa al-Hikam. j. 1. h. 373.

⁴⁶ Lihat: Šāleḥ, Šāleḥī. (2001). *Al-Siyāsah al-Naqdiyyah wa al-Māliyyah fī Iṭār Nizām al-Mushārakah fī al-Iqtisād al-Islāmī*. Mansurah: Dar al-Wifa’. h. 29.

⁴⁷ *Ekonomi Islam: Teori dan Praktis*. *Op.cit.* j. 2. h. 114-115.

timbulnya konflik dan spekulasi. Amalan *ribā* diharamkan dalam Islam kerana ia boleh menghalang orang ramai daripada terlibat secara langsung dengan aktiviti transaksi perniagaan atau aktiviti ekonomi sebenar. Inilah sebabnya mengapa sistem perbankan Islam itu dipanggil sebagai pro-perniagaan, pro-pembangunan, pro-pekerjaan, dan anti kemelesetan. Maka tidak hairanlah kalau kadar keuntungan bank Islam pada waktu kegawatan ekonomi masih boleh meningkat.

Isu Berbangkit Daripada Kos Sebenar

Bertitik tolak daripada perbincangan di atas, terdapat dua isu penting yang perlu dijelaskan berkaitan dengan kos sebenar, iaitu:

1) Isu *Ujrah*:

Al-Ujrah ialah komisen, yuran, atau fi yang dikenakan kepada para pelanggan bagi suatu perkhidmatan yang diberi. Beberapa produk perbankan yang menggunakan konsep ini – seperti yang telah diterangkan – termasuk *al-Wadī‘ah*, *al-Rahnu*, *al-Wakālah*, *al-Ḥawālah*, dan *al-Istiṣnā‘*.

Sukacita menarik semula perhatian pembaca, menerusi perbincangan di atas, penulis secara berulang kali menekankan bahawa *Ujrah* bagi kesemua perkhidmatan yang dikenakan kepada pelanggan mestilah berasaskan nilai wang asal (kos sebenar) yang dikorbankan oleh pihak bank dalam menyediakan suatu perkhidmatan. Apa pun besar atau kecilnya suatu pembiayaan itu, penulis mengandaikan bahawa bentuk dan kos perkhidmatannya tetap sama. Ini bererti *Ujrah* mestilah diberikan amaun tetap dalam bentuk angka wang yang jelas dan bukannya dalam bentuk peratusan (contohnya 1%, 2%, dan 4%) sebagaimana yang diamalkan oleh beberapa buah bank Islam.

Berikut dibawakan dua contoh perkiraan *Ujrah* (1% setahun), tempoh bayaran balik pinjaman (15 tahun) bagi dua jumlah kredit yang berbeza dengan menggunakan formula “*Flat Rate*”⁴⁸ untuk melihat hubungan di antara *Ujrah* dan jumlah hutang:

i) Jumlah hutang (SGD10k):

Caj <i>Ujrah</i>	= SGD10,000 X 1% X 15 tahun	= SGD1,500
Jumlah perlu bayar	= SGD10,000 + SGD1,500	= SGD11,500
Jumlah bayaran bulanan	= SGD11,500 / 180 bulan	= SGD63.90

ii) Jumlah hutang (SGD15k):

Caj <i>Ujrah</i>	= SGD15,000 X 1% X 15 tahun	= SGD2,250
Jumlah perlu bayar	= SGD15,000 + SGD2,250	= SGD17,250
Jumlah bayaran bulanan	= SGD17,250 / 180 bulan	= SGD95.85

⁴⁸ *Flat Rate*: Juga disebut *Straight Line* iaitu mengambil kira jumlah keseluruhan pinjaman setiap tahun dalam kiraan bayaran ansuran tahunan.

Dengan mengambil contoh kiraan di atas, menunjukkan bahawa semakin besar jumlah hutang yang diberikan maka semakin besar pula *Ujrah* perkhidmatan yang dikenakan. Dalam hal ini ‘ulamā’ telah bersepakat bahawa sebarang tambahan dan manfaat terhadap hutang adalah termasuk dalam kategori *Ribā al-Nasī’ah* yang diharamkan dalam Islam.⁴⁹ Ini setentunya akan memberatkan para pelanggan untuk melunaskan bebanan hutang yang mereka tanggung. Hal ini bertentangan dengan konsep Islam yang mahukan supaya manusia saling mempermudah semua urusan sepertimana Sabda Nabi Muhammad *Ṣallallāhu ‘Alayhi Wasallam*:

«يَسِّرُوا وَلَا تُعَسِّرُوا وَبَشِّرُوا وَلَا تُنْفِرُوا»

Maksudnya: “*Buatlah mudah dan jangan mempersulit, dan sampaikanlah khabar baik dan jangan menakutkan*”. [Hadis riwayat al-Bukhāriy]

Selain itu, adapun kaedah penentuan *Ujrah* yang berdasarkan peratusan tertentu daripada had kredit tidak menepati hukum Syarak dan ia bercanggah dengan keputusan majoriti penasihat Syariah di peringkat antarabangsa. Majlis Syariah AAOIFI (*Accounting and Auditing Organisation for Islamic Finance Institutions*) dan hasil keputusan Kesatuan Fiqh Islam Sedunia kali ke-3 pada tahun 1986 berpendapat “*dibenarkan untuk mengenakan kos perkhidmatan dengan syarat ianya adalah kos sebenar. Haram untuk mengenakan kos yang lebih daripada kos sebenar. Kos-kos tidak langsung seperti gaji pekerja, sewaan tempat dan tanggungan lain sesebuah institusi tidak boleh dimasukkan di dalam kos pengurusan sebenar bagi suatu pinjaman*”.⁵⁰ Penetapan ini dibuat ialah kerana peratusan yang dikaitkan dengan jumlah pinjaman telah menyebabkan jumlah kos pengurusan yang sama – kerana menggunakan peralatan dan sistem yang sama – menjadi berubah mengikut jumlah pinjaman yang diberi. Perubahan kos pengurusan sudah tidak lagi menjadi kos pengurusan tetapi menjadi kos faedah dan *ribā* yang dikenakan bagi setiap sen wang pinjaman.

2) Isu Untung Jual Beli:

Tidak syak lagi bahawa harga memainkan peranan penting dalam menentukan keuntungan berurusan. Semakin tinggi harga yang diletakkan, semakin tinggi keuntungan yang diraih. Namun, tanpa disedari kenaikan harga ini memberi kesan negatif terhadap pengguna yang terpaksa akur menanggung beban.

Dalam konteks perbincangan kertas kerja ini, seperti yang telah dijelaskan dalam fungsi penubuhan institusi perbankan Islam, antara tujuan penubuhannya ialah untuk meraih keuntungan. Umumnya, Islam telah memberi kebebasan kepada para peniaga untuk menentukan margin keuntungan masing-masing. Namun demikian, kebebasan yang diberi tidaklah boleh melepasi batas dan norma perniagaan yang telah ditentukan oleh Islam sehingga menyebabkan ada pihak yang ditindas dan dizalimi. Firman Allāh *Subhānahu wa Ta‘ālā*:

⁴⁹ Lihat: Miṣri, Rafīq Yūnus. (2001). *Al-Jāmi‘ fī Uṣūl al-Ribā*. Damsyik: Dar al-Qalam. h. 217.

⁵⁰ AAOIFI. *Shariah Standard*. No 9/1. h. 337.

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ

Tafsirnya: “Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah”. [Sūrah al-Baqarah, (2): 188]

Tidak ada dalam Islam batasan tertentu tentang kadar keuntungan (yang harus diambil dalam perniagaan atau jual beli). Ini adalah mengikut pandangan yang paling *ṣahīh* daripada para ‘ulamā’ Islam.⁵¹ Peniaga hendaklah menetapkan harga mengikut kadar yang diredhainya dan juga diredhai oleh pembeli. Ini kerana akad jual beli terbina di atas saling redha meredhai antara penjual dan pembeli sebagaimana Firman Allāh *Subḥānahu wa Ta‘ālā*:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا لَا تَأْكُلُوْا اَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ اِلَّا اَنْ تَكُوْنَ تَحِيْرَةً عَنْ تَرٰضٍ مِّنْكُمْ

Tafsirnya: “Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu”. [Sūrah al-Nisā, (4): 29]

Margin keuntungan yang terlalu tinggi mengandungi unsur penindasan yang diharamkan oleh Islam. Akibat daripada tekanan kewangan yang berpunca daripada ketamakan para peniaga yang mementingkan margin keuntungan, kebanyakan orang terpaksa bertungkus lumus bekerja siang dan malam, bahkan ada yang hingga sanggup melanggar perintah dan larangan Allāh *Subḥānahu wa Ta‘ālā* (seperti mencuri, merompak, menggadai maruah, dan bermacam-macam lagi) demi mencari wang untuk menampung kenaikan harga pasaran.

Merujuk kepada produk pembiayaan *al-Bay‘ bi Thaman Ājil*, *al-Ijārah Thumma al-Bay‘*, dan *Bay‘ al-Murābahah*, perhatian serius harus diberikan kepada penentuan harga barangan dan perkhidmatan. Sungguhpun tidak terdapat penetapan khusus dalam Syarak secara kuantitatif tahap minimum atau maksimum meraih keuntungan, Islam tetap ada memberikan panduan kualitatif kepada para peniaga tentang konsep meraih keuntungan dalam perniagaan iaitu penentuan harga mestilah mengambil kira kos sebenar menghasilkan suatu barangan, atau kos sebenar suatu perkhidmatan.

Dalam hal ini, bank perlu menunjukkan bahawa kadar keuntungan yang diambil adalah wajar dilihat dari segi risiko yang terlibat dalam urusan ini, masa yang digunakan oleh bank untuk menyediakan pembiayaan, nilai tambah yang ada pada barangan, dan yang terpenting sekali ialah sifat barangan yang dijual sama ada ia dikategorikan dalam barangan *Darūriyyat*, *Hājiyyat*, atau *Kamāliyyat*. Harga yang terlalu mahal akibat daripada kerakusan bank memperoleh keuntungan akan menyebabkan kesempitan hidup seluruh masyarakat kerana tidak mampu memenuhi keperluan harian, apatah lagi keperluan yang paling asas iaitu makanan, pakaian, dan tempat tinggal.

⁵¹ Lihat: Zaynuddīn, Muḥammad Amīn. (2008). *Bayna al-Sā’il wa al-Faqīh*. Beirut: Al-Amirah. h. 108.

Penutup: Kesimpulan dan Cadangan

Sebagai penutup kertas kerja ini, maka dibawakan kesimpulan dan saranan berikut:

- 1) Pemahaman terhadap konsep kos sebenar dalam operasi perbankan Islam adalah merupakan satu elemen penting kerana dengan memahaminya akan dapat meningkatkan keupayaan seseorang pengurus bank untuk melaksanakan fungsi pengurusan bank dengan baik, khasnya berkaitan dengan penetapan harga jualan untuk meraih keuntungan.
- 2) Kos asal suatu aset mestilah dinyatakan dengan jelas di dalam kontrak jual beli bagi mengelak daripada berlakunya ketidakpuasan hati pelanggan, penipuan, dan kesalahfahaman.
- 3) Kos sebenar mestilah merujuk kepada jumlah nilai wang asal yang dikorbankan oleh bank untuk mengadakan suatu aset atau perkhidmatan.
- 4) Kos perkhidmatan perbankan boleh dirujuk kepada aspek berikut:
 - a) Kos penjagaan;
 - b) Kos penyelenggaraan;
 - c) Kos penyimpanan;
 - d) Kos transaksi kewangan;
 - e) Kos bayaran operasi (setem, pos, telefon, faks, dan sebagainya);
 - f) Kos bayaran proses jual beli (khidmat peguam, khidmat broker, dll); dan
 - g) Kos lain yang dirasakan sesuai.
- 5) *Ujrah* yang dikenakan oleh bank bagi suatu urusan hendaklah diperincikan dengan jelas di dalam kontrak. Perkhidmatan dan nilainya perlu disenaraikan. Bukannya dalam bentuk peratusan, bagi mengelak penjenamaan semula *Ribā al-Nasī'ah* dengan nama "Caj Perkhidmatan".
- 6) Semua konsep perbankan Islam yang melibatkan hutang, sekiranya peminjam – disebabkan kesukaran yang di luar kawalannya – tidak mampu untuk mematuhi jadual pembayaran balik hutangnya, bank perlu memberikan kelonggaran masa kepada peminjam untuk membayar hutang tanpa mengenakan sebarang bayaran ganti rugi (*Ta'wīḍ Māliy*) seperti menaikkan kadar dan jumlah kos hutang yang belum dibayar. Amalan ini sangat bertepatan dengan kehendak Islam yang mengharamkan muamalat *ribā*.
- 7) Bank perlu sentiasa menjadikan norma Islam sebagai landasan untuk menentukan margin keuntungan di samping peka terhadap permasalahan yang dihadapi oleh masyarakat setempat.
- 8) Kadar keuntungan boleh dirujuk kepada aspek berikut:
 - a) Risiko urusan;
 - b) Masa yang digunakan untuk menyediakan pembiayaan;
 - c) Nilai tambah pembiayaan aset; dan

- d) Sifat aset yang dijual sama ada dalam lingkungan *Ḍarūriyyat*, *Hājiyyat*, atau *Kamāliyyat*.
- 9) Sebagai sebuah institusi Islam yang benar peka dengan kepentingan awam dan membangun sosioekonomi masyarakat, bank Islam kini perlu lebih kreatif dalam mengadakan konsep pembiayaan baru, khasnya dalam masa berlakunya bencana alam seperti kebakaran, banjir, gempa, kemarau, kebuluran, dan sebagainya. Untuk itu dicadangkan supaya institusi perbankan memperkenalkan dua konsep berikut, iaitu:
- a) *Bay' al-Tawliyyah* (بَيْعُ التَّوَلِيَّةِ): Jualan pada kos asal barang – di mana pembeli mengetahui harga tersebut – dengan tiada tambahan keuntungan dan tiada kerugian kepada bank.
 - b) *Bay' al-Wadī'ah* (بَيْعُ الْوَدِيعَةِ): Memaklumkan pelanggan kos asal barang dan menjualnya pada harga yang lebih rendah daripada kos asal.

Bibliografi

- Al-Qur’ān al-Karīm.
- ‘Abdul Mun‘im, Maḥmūd. (1999). *Mu‘jam al-Muṣṭalaḥāt wa al-Alfāz al-Fiqhiyyah*. Kaherah: Dar al-Fadilah.
- Adnan M. Abdeen & Dale N. Shook. (1984). *The Saudi Financial System*. New York: John Wiley & Sons Ltd.
- ‘Āmir, Muḥammad Muḥammad. (1972). *Mulakkhkhaṣ al-Aḥkām al-Shar‘iyyah ‘Alā al-Mu‘tamad min Madhhab al-Mālikiyyah*. Benghazi: Al-Matba‘ah al-Ahliyyah.
- Al-Ashqar, Muḥammad Sulaymān et.al. (1998). *Buḥūth Fiqhiyyah fī Qaḍāyā Iqtisādiyyah Mu‘āṣirah*. Jordan: Dar al-Nafa’es.
- B. John. (2003). *A Dictionary of Economics*. Oxford: Oxford University Press.
- Dāwūd, Ḥasan Yūsuf. (2005). *Al-Maṣraf al-Islāmī li al-Istithmār al-Zirā‘ī: Namūzaj Muqtarah*. Mesir: Dar al-Nashr li al-Jam‘iyyat.
- Dr Abdurrahman Raden Aji Haqqi & Hj Mohd Sahroll Hj Mohd Roger (Pyt). (2002) *Konsep Perniagaan Dalam Islam*. Brunei Darussalam: Universiti Brunei Darussalam.
- Hadenan Towpek & Joni Tamkin Borhan. (2006). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Hajah Noresah binti Baharom (Pyt.) (2005). *Kamus Dewan*. Cet. 4. Selangor: Dawama Sdn. Bhd. h. 816.
- Haji Osman bin Jantan. (2001). *Pedoman Mu‘amalat dan Munakahat*. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.
- International Shari‘ah Research Academy for Islamic Finance (ISRA). (2010). *ISRA Compendium for Islamic Financial Terms: Arabic-English*. Kuala Lumpur: Kaci Trading Sdn. Bhd.
- Irshīd, Maḥmūd ‘Abd al-Karīm Aḥmad. (2001). *Al-Shāmil fī Mu‘āmalāt wa ‘Amaliyyāt al-Maṣārif al-Islāmiyyah*. Jordan: Dar al-Nafa’es.
- Jāzī, Muḥammad. (T.T). *Qawānīn al-Aḥkām al-Shar‘iyyah wa Masā’il al-Furūq al-Fiqhiyyah*. Beirut: Dar al-‘Ilm li al-Malayin.
- Al-Khin, Muṣṭafā et.al. (1996). *Al-Fiqh al-Manhajī ‘alā Madhhabi al-Imām al-Shāfi‘ī*. Damsyeyk: Dar al-Qalam.
- Khurshid Ahmad (Pyt). (1980). *Studies in Islamic Economics*. Leicester: The Islamic Foundations.
- M. Umer Chapra. (1985). *Towards a Just Monetary System*. London: The Islamic Foundations.
- Miṣri, Rafīq Yūnus. (2001). *Al-Jāmi‘ fī Uṣūl al-Ribā*. Damsyeyk: Dar al-Qalam.
- Muhammad Abdul Mannan. (2007). *Ekonomi Islam: Teori dan Praktis (Asas-Asas Ekonomi Islam)*. Radiah Abdul Kader (Terj.). Edisi Semakan Semula. Kuala Lumpur: A.S. Nordeen.

- Muhammad Ariff (Pyt). (1982). *Monetary and Fiscal Economics of Islam*. Jeddah: International Centre of Research in Islamic Economics, King Abdul Aziz University.
- Nabih Ghattas (Pyt.). (2000). *A Dictionary of Economics, Business & Finance: English-Arabic*. Beirut: Librairie du Liban Publishers.
- P. Dilys (Edt). (2005). *New Oxford Business English Dictionary for Learners of English: With CD-ROM*. Oxford: Oxford University Press.
- Ibn Qudāmah, ‘Abdullāh bin Aḥmad bin Muḥammad. (1999). *Al-Mughnī*. ‘Abdullah bin ‘Abd al Muḥsin & ‘Abd al-Fattāḥ Muḥammad al-Helw (Pyt). Edisi Keempat. Saudi: Dar ‘Alam al-Kutub.
- Şāleḥ, Şāleḥī. (2001). *Al-Siyāsah al-Naqdiyyah wa al-Māliyyah fī Itār Nizām al-Mushārahah fī al-Iqtisād al-Islāmī*. Mansurah: Dar al-Wifa’. h. 29.
- Shabīr, Muḥammad ‘Uthmān. (1999). *Al-Mu‘āmalāt al-Māliyyah al-Mu‘āṣirah fī al-Fiqh al-Islāmī*. Jordan: Dar al-Nafa’es.
- Al-Shanqīṭī, Muḥammad Muṣṭafā. (2001). *Dirāsah Shar‘iyyah li Ahammi al-‘Uqūd al-Māliyyah al-Mustaḥdathah*. Edisi Kedua. Madinah Munawarah: Maktabah al-‘Ulum wa al-Hikam.
- Sheikh Abdullah Basmeih. (1990). *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Qur’an*. Cet. 10. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- Sudin Harun. (T.T). *Prinsip dan Operasi Perbankan Islam*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn Bhd.
- Surtahman Kastin Hasan & Sanep Ahmad. (2005). *Ekonomi Islam: Dasar dan Amalan*. Edisi Kedua. Selangor: Dwama Sdn. Bhd.
- The Dictionaries Department (Pyt.). (1999). *A Pocket Dictionary of Economics & Commerce: English-Arabic-English*. Beirut: Librairie du Liban Publishers.
- Zaynuddīn, Muḥammad Amīn. (2008). *Bayna al-Sā’il wa al-Faqīh*. Beirut: Al-Amirah.
- Al-Zuhaylī, Wahbah. (2002). *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*. Damsyck: Dar al-Fikr.